

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)  
SOALAN 11 (A90)**

Taman Aman Senai telah dilanda banjir teruk sejak kebelakangan ini iaitu pada 4 September 2021 dan 20 Ogos serta 16 November lepas. Apa punca serta langkah menyelesaikan masalah ini dan adakah sebarang bantuan atau pampasan setimpal diberikan kerajaan atas kerugian.

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Punca utama kejadian banjir yang berlaku di Taman Aman telah dikenalpasti dan isu ini disebabkan oleh faktor faktor sebagaimana berikut:

1. Aliran air deras dari kawasan hulu (Taman Teknologi, Lebuhraya, taman-taman sekitar serta kawasan-kawasan pertanian) – Taman Aman – Kampung Jaya Sepakat – Sungai Skudai.
2. Rekabentuk sistem saliran atau kolam takungan tidak dapat menampung kapasiti air sekiranya hujan lebat di luar jangka melebihi 4 jam (Total RF 200mm>100 ARI-Data JPS).
3. Paras air sungai utama tidak dapat menampung aliran air menyebabkan berlaku '*backflow*'.
4. Pembangunan rancak kawasan sekitar dan juga aktiviti perlombongan.
5. Aliran air dari Taman Aman dan kawasan sekitar, iaitu Kampung Jaya Sepakat ke Sungai Skudai yang berada di aras lebih rendah juga menyebabkan berlakunya '*backflow*'.
6. Rekabentuk sistem saliran tidak dapat dibina mengikut spesifikasi atas kekangan rizab.
7. Kawasan perumahan Taman Aman adalah bersebelahan rizab Sungai Skudai menyebabkan kejadian '*backflow*' semasa hujan lebat.
8. Pembangunan luar kawalan bersebelahan rizab parit dan Sungai Skudai menambah risiko banjir di Taman Aman.

Antara langkah penyelesaian bagi masalah ini adalah pihak Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah pun menaiktaraf parit monsoon di Jalan Taman serta membina tembok pertemuan di Jalan Aman dan Jalan Tamat, Kampung Jaya Sepakat, Senai. Projek ini telah disiapkan pada 3 Ogos 2022, iaitu sepanjang 135 meter L- *Shape* bersaiz 3100 mm x 2550 mm x 200 mm tebal, dan Longkang Konkrit Terbuka DWF bersaiz 2440 mm x 2730 mm x 300 mm tebal telah dipasang.

Selain itu, pembersihan berkala kolam takungan utama dan parit moonson juga dikawalselia oleh pihak MPKu. Manakala, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertanggungjawab menyelenggara sungai dan anak sungai utama, termasuk

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

menyediakan data-data berkaitan bagi kajian banjir. Pihak SWM *Environment* pula bertanggungjawab untuk menyelenggara longkang dan pembentung dalam taman secara berkala.

Pihak MPKu dan Syarikat Safwa *Global Venture (SGV)* melantik Jurutera Perunding bagi menjalankan kajian banjir untuk menaiktaraf sistem perparitan dalam taman berdasarkan syor perunding. Di samping itu, pihak pemaju Scientex juga menjalankan kajian bagi menaikkan tebing kolam takungan bagi tujuan menampung larian air yang tinggi dari Taman Teknologi.

Tindakan jangka panjang tersebut telah diputuskan melalui mesyuarat bersama Jawatankuasa Banjir MPKu pada 12 Oktober 2022 yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua MPKu, sebagaimana laporan dan kajian daripada Jurutera Perunding Bertauliah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memberikan sumbangan kepada mangsa banjir yang mengalami kerugian di kawasan tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)  
SOALAN 12 (A77)**

DUN Bekok masih belum mempunyai pusat pengajian tinggi atau pusat latihan bertaraf kolej. Oleh yang demikian, saya mohon kerajaan negeri Johor untuk mendirikan kolej pendidikan sekurang-kurang sebuah di kawasan DUN Bekok.

**JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH**

Jabatan berpandangan bahawa sebarang cadangan penubuhan institusi pendidikan tinggi baharu terutamanya institusi awam perlu diteliti dari segi keperluan sebenar guna tenaga negara dan sama ada 20 buah universiti awam (UA) dan 417 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) sedia ada tidak dapat menampung kelompok pelajar berkaitan.

Untuk makluman YB, dalam ekosistem pendidikan tinggi awam sedia ada di negeri Johor, terdapat tujuh (7) buah kampus universiti awam yang telah beroperasi iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan lima (5) buah kampus cawangan universiti awam serta 27 buah institusi swasta bertaraf Kolej sehingga universiti beroperasi di negeri Johor.

Daripada jumlah tersebut, terdapat dua buah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Kota Tinggi iaitu Kolej Komuniti Kota Tinggi dan Kolej Komuniti Bandar Tenggara serta dua buah IPTS yang sedang beroperasi di Kota Tinggi iaitu kolej Yayasan Pelajaran Johor dan Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT).

Semakan Jabatan juga mendapati telah ada sebuah kampus cawangan universiti awam iaitu Universiti Teknologi MARA, dua buah Kolej Komuniti dan sebuah kampus cawangan IPTS iaitu Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.

Sekiranya sebuah institusi pendidikan tinggi baharu ingin ditubuhkan di Sedili dan Bekok khususnya, satu kajian feasibiliti yang komprehensif perlu dilaksanakan dengan lebih terperinci bagi memastikan pelaburan yang dilaksanakan kerajaan dapat memberi manfaat kepada negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 13 (A141)**

Apakah pelan tindakan kerajaan negeri untuk mengekang isu kesesakan lalu-lintas di Causeway dan Second Link?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Tambak Johor antara laluan sempadan antarabangsa paling sibuk di dunia. Sejak pembukaan sempadan Johor Bahru - Singapura, purata harian keluar masuk di CIQ BSI adalah 138 ribu orang sehari. Kerajaan Negeri memandang serius berkenaan isu kesesakan lalu-lintas kerajaan juga terima pelbagai jenis aduan keluhan hati rakyat.

Sebagai langkah bagi menangani isu ini YAB Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2019 telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Mengenai Kesesakan di Tambak Johor. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi merangka dan melaksana inisiatif untuk mengurangkan senario kesesakan teruk yang masih berlarutan di pintu masuk Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Johor.

Selanjutnya, pada 10 November 2022, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Kesesakan di Tambak Johor dan telah bersetuju untuk menambah baik inisiatif sedia ada bagi mengurangkan kesesakan tambak.

Antara usaha yang telah dilaksanakan ialah penggabungan kaunter Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) - PLUS - JPJ di laluan kereta masuk ke Bangunan Sultan Iskandar (BSI) serta merekabentuk semula laluan motosikal, laluan kereta dan laluan pintu keluar masuk BSI.

Penambahan bilangan *E-Gate* (pejalan kaki) untuk warganegara Malaysia telah ditambah daripada 14 kepada 32 unit bagi laluan masuk serta daripada 14 kepada 26 unit bagi laluan keluar.

Selain itu juga, kerajaan akan merangka penambahan laluan lorong motosikal daripada 50 kepada 75 lorong serta cadangan membenarkan kenderaan ringan menggunakan laluan kenderaan berat sebagai laluan kontra semasa waktu puncak.

Antara inisiatif lain yang dorancang adalah penggunaan kaedah pembayaran tol terkini menggunakan teknologi Radio Frequency Identification (RFID) atau MyRFID, menaik taraf terminal bas termasuk menambah bumbung kawasan parkir bas di

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

Kompleks ICQS Sultan Abu Bakar dan pemberitahuan berterusan untuk meningkatkan kesedaran melalui papan iklan digital.

Untuk makluman Ahli Dewan Yang mulia ini, pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan memulakan Kajian Perancangan Masa Hadapan Bagi Menguruskan Kesesakan Dan Meningkatkan Keselamatan *Customs, Immigration And Quarantine* (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di Bawah Jawatankuasa Induk Mengenai Kesesakan Di Tambak Johor (BSI & KSAB) dijangka pada Februari 2023.

Pada masa ini mesyuarat kajian telah dilaksanakan pada 29 November 2022 yang dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif, Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), Kementerian Dalam Negeri bagi tujuan mendapatkan pandangan awal stakeholders untuk pemahaman penyelidikan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)  
SOALAN 14 (A127)**

Nyatakan senarai bantuan khusus untuk pekebun kecil (penoreh getah) dan perancangan kerajaan negeri untuk membantu golongan ini terutama ketika musim hujan dan kejatuhan harga getah.

**JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**

Berikutan musim tengkujuh serta kejatuhan harga getah, Pihak RISDA Johor telahpun bersedia dengan lebih awal dengan menyediakan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) yang mensasarkan nilai bantuan RM600/lot yang dibayar pada bulan November dan Disember masing-masing RM300.

Dalam memastikan nasib pekebun kecil getah di Negeri Johor terbela, terdapat beberapa bantuan telah pun tersedia bagi mencapai matlamat Pekebun Kecil Makmur iaitu:

1. Tanam Semula Getah ke Getah (Semasa & Berturut)
2. Tanam Baru Komoditi Getah
3. Prasarana Asas Pertanian
4. Rancangan Pemulihan Kebun (RPK)
5. Program Skim Insentif Lateks (SIL)
6. Skim Getah Matang (SGM)
7. Insentif Input Pertanian
8. Aktiviti Ekonomi Tambahan
9. Program Prmbangunan Hasil Baharu Agro Makanan Program Pembangunan Usahawan

Secara keseluruhannya, bantuan ini akan memanfaatkan sejumlah 11,838 orang Pekebun Kecil Getah di Johor dengan keseluruhan bantuan bernilai RM 7,102,800.00.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 15 (A138)**

Nyatakan status projek naik taraf infrastruktur Tambak Johor–Singapura dan Laluan Kedua Malaysia-Singapura dan usaha menambah baik kesesakan di kedua-dua pintu masuk terutamanya Hari Jumaat dan Hari Cuti Umum.

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Kerajaan memandang serius mengenai isu kesesakan di kedua pintu masuk utama Negara. Justeru itu, terdapat beberapa inisiatif bagi menaiktaraf infrastruktur di Bangunan Sultan Ismail (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) yang melibatkan 37 projek di mana terdapat 8 projek di BSI dan 29 projek di KSAB.

Status pelaksanaan bagi keseluruhan 37 projek naiktaraf infrastruktur di kedua-dua pintu masuk ini sehingga 25 November 2022, sebanyak 30 projek sudah siap dilaksanakan yang mencapai jumlah 81.1% daripada jumlah asal. Manakala 2 projek sedang dilaksanakan (5.4%) dan 5 projek lagi belum mula (13.5%).

Untuk makluman lebih terperinci, di Banguna Sultan Iskandar (BSI), 6 projek telah siap dilaksanakan (75%) dan 2 sedang dilaksanakan (25%). Manakala bagi Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), sebanyak 24 projek telah siap dilaksanakan (83%) dan 5 belum dilaksanakan (17%). Status setiap projek dibawah inisiatif hanya akan berubah sekiranya semua projek tersebut siap sepenuhnya.

Status 5 projek di Kompleks Sultan (KSAB) yang belum dilaksanakan adalah seperti berikut :

- i. 2 projek di peringkat perolehan (tender/ sebutharga).
- ii. 2 projek ditangguhkan dan peruntukkan itu yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) untuk digunakan bagi menampung kos Projek Kaunter Tambahan Bagi *Secured Automated Clearance System* (M-BIKE 2.0) di Pejabat Imigresen Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Johor. Peruntukan bagi projek-projek ini akan dimohon semula dalam *Rolling Plan* (RP) seterusnya.
- iii. 1 projek digugurkan kerana Anggaran Kos Awalan (AKA) meningkat kepada RM66 juta berbanding kepada kos siling sebanyak RM16juta. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan memohon tajuk ini sebagai projek baharu dalam RP seterusnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

Projek-projek yang belum dilaksanakan adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti kenaikan Anggaran Kos Awalan (AKA) yang melebihi siling peruntukan, proses perolehan oleh JKR dan KKR serta reka bentuk yang mengambil masa yang panjang serta keperluan untuk melaksanakan inisiatif baharu.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)  
SOALAN 16 (A66)**

Nyatakan perancangan dan tindakan segera yang diambil oleh kerajaan baharu negeri Johor pada tahun 2022 dalam mengatasi isu banjir, khususnya insiden banjir kilat yang melanda sekitar Johor Bahru pada 2 Ogos 2022.

**JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY**

Dalam mengatasi masalah banjir yang berlaku terutamanya di sekitar Daerah Johor Bahru, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor telah melaksanakan pelbagai program bagi mengurangkan impak banjir.

Bagi tindakan jangka panjang, Jabatan telah memohon perlaksanaan projek tebatan banjir melalui RJ5T (peruntukan negeri). Antara projek yang akan dilaksanakan adalah:

- a. Projek Saliran Mesra Alam Taman Rinting.
- b. Projek Saliran Mesra Alam di Apartment Lily Jasmine, Taman Tampoi Indah.
- c. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Masai.
- d. Kajian Pelan induk Saliran Pertanian Tanjung Kupang.
- e. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Gelang Patah

Selain itu, Jabatan juga akan memohon peruntukan pembangunan bagi projek tebatan banjir kepada Kerajaan Persekutuan. Antara projek yang akan dimohon adalah:

- a. Projek Saliran Mesra Alam Tebrau – Plentong.
- b. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tebrau.
- c. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pulai.
- d. RTB Sungai Tiram.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

Bagi langkah jangka pendek pula, Jabatan telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Kerja</b>	<b>Mukim</b>
1	Kerja-Kerja Menggali Sungai Gelang Patah, Mukim Tanjung Kupang, Gelang Patah, Johor	Tanjung Kupang
2	Kerja Penggalan Parit Di Kg. Penderam Serta Kerja Berkaitan, Mukim Sg. Tiram, Johor Bahru, Johor	Sg. Tiram
3	Projek Tebatan Banjir Dengan Menaiktaraf Pintu Air Dan Sg. Senapang Di Kg. Baru Gelang Patah, Johor	Tanjung Kupang
4	Projek Mengurangkan Risiko Banjir Dan Kerja Yang Berkaitan Di Sg. Tiram, Jalan Sg. Tiram, Mukim Tebrau, Johor Bahru	Tebrau
5	Kerja-Kerja Menggali Sungai Tiram Di Kampung Sc, Mukim Sungai Tiram, Johor Bahru, Johor	Sg. Tiram
6	Kerja Menaiktaraf Benteng Saliran Pertanian Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Paya Sg Redan, Mukim Sg Tiram, Johor Bahru, Johor	Sg. Tiram
7	Kerja Penggalan Muara Sg Rinting, Mukim Plentong, Johor Bahru, Johor	Plentong
8	Kerja-Kerja Menggali Dan Mendalamkan Muara Anak Sungai Plentong, Di Kampung Plentong 10, Mukim Plentong, Johor Bahru	Plentong
9	Kerja Menggali Dan Membersih Sungai Danga Di Kg Tuah Jaya, Mukim Pulai, Johor Bahru, Johor	Pulai
10	Kerja-Kerja Menggali Sungai Perpal, Mukim Tanjung Kupang, Gelang Patah, Johor Bahru.	Tanjung Kupang

Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Bandaraya Johor Bahru juga telah mengadakan langkah segera, jangka pendek dan jangka panjang dengan melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penggalan di kawasan hotspot banjir. Kerja-kerja ini melibatkan sistem saliran parit utama dan anak sungai yang dilaksanakan secara berkala oleh

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

kontraktor penyelenggaraan pembersihan setiap bulan bagi memastikan tiada halangan yang menyebabkan kejadian banjir kilat.

Kerja-kerja penggalian secara berperingkat juga telah dimulakan mulai bulan September. Kerja penggalian diteruskan sehingga bulan Februari bagi memastikan kapasiti saluran utama dapat menampung jumlah air yang banyak dan seterusnya mengurangkan risiko kejadian banjir.

Kerja-kerja pembaikan dan pembinaan struktur yang rosak juga sedang giat dilaksanakan mulai Oktober 2022 oleh kontraktor penyelenggaraan pembaikan yang telah dilantik.

Projek tebatan banjir juga sedang dilaksanakan bagi tahun 2022 melibatkan pembinaan wier, pam dan kolam takungan dan diteruskan melalui projek peruntukkan tahun 2023.

Pihak pemaju yang sedang melaksanakan projek pembangunan juga telah diarahkan untuk membuat kawalan kerja tanah dan menyelenggara sistem saluran dengan pembinaan perangkap kelodak dan melaksanakan kerja pembersihan secara berkala sebagaimana ketetapan kelulusan pelan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)  
SOALAN 17 (A85)**

Sila nyatakan pretasi dan peruntukan yang diperoleh oleh konsesi syarikat SAFWA GLOBAL VENTURE dan Selia Selenggara bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan, longkang dan lain-lain pada tahun 2020 sehingga 2022 mengikut daerah.

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Peruntukan bagi pengurusan dan penyelenggaraan jalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Johor yang dilaksanakan oleh pihak konsesi Safwa Global Venture (M) Sdn Bhd (SGV) adalah daripada peruntukan MARRIS pada setiap tahun.

Peruntukan ini dibahagikan kepada dua iaitu peruntukan bagi **kerja-kerja berkala** dan peruntukan bagi **kerja rutin**. Kerja berkala merangkumi kerja pavemen (turapan jalan) dan kerja bukan pavemen (iaitu pembaikan longkang dan pembaikan cerun), manakala peruntukan bagi kerja rutin pula melibatkan tampalan jalan dan pencucian perabot jalan.

Secara umumnya, pengagihan peruntukan kepada PBT adalah mengikut senarai panjang jalan yang didaftarkan dalam sistem MARRIS dan juga melalui jumlah aduan yang diterima oleh PBT setelah penilaian dibuat mengikut keutamaan tahap kerosakan jalan, longkang, cerun dan lain-lain.

Keseluruhannya, prestasi pihak konsesi dalam menyelesaikan aduan di tapak adalah baik. Prestasi perbelanjaan bagi tahun 2020 dan 2021 adalah melebihi 90%. Manakala bagi tahun 2022 prestasi sehingga bulan Oktober adalah 50% dan boleh mencapai 90% menjelang akhir tahun 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**

**SOALAN 18 (A75)**

Kerja-kerja membaiki pulih atau menaik taraf yang dijalankan oleh konsesi Safwa amat teruk dan tidak sempurna. Apakah tindakan kerajaan terhadap konsesi tersebut?

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Kerajaan negeri amat menitikberatkan mutu kerja syarikat konsesi yang melaksanakan kerja penyelenggaraan jalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Johor.

Pegawai Penguasa (Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan tempatan) dan Wakil Pegawai Penguasa (Datuk Bandar / Yang DiPertua PBT) akan melaksanakan pemantauan hasil kerja yang telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi dan dibantu oleh perunding yang dilantik bagi pihak kerajaan. Tuntutan bayaran oleh pihak syarikat konsesi tidak akan dipertimbangkan sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan kerja oleh pihak syarikat konsesi.

Pihak konsesi juga memantau kerja-kerja kontraktor dengan mengeluarkan surat amaran kepada kontraktor bagi memperbaiki kualiti kerja dan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan mengikut syarat kontrak. Hanya kerja-kerja yang mematuhi kualiti dan spesifikasi kerja sahaja yang diterima oleh pihak konsesi dan juga disahkan oleh perunding yang telah dilantik kerajaan Negeri bagi tindakan proses tuntutan bayaran. Selain pemantauan kerja-kerja di tapak, pihak konsesi juga mengambil langkah kawalan mutu bahan yang digunakan dengan melantik makmal-makmal panel bagi menjalankan ujian-ujian tertentu yang menentukan kesesuaian bahan yang digunakan melepasi standard piawaian yang ditetapkan.

Tempoh tanggungan kecacatan (DLP) adalah 24 bulan bagi kerja-kerja berkala. Jika terdapat kerja-kerja yang rosak dalam tempoh DLP, konsesi perlu membaiki semula kerja-kerja tersebut sebelum Sijil Membaiki Kecacatan dikeluarkan. Aduan terhadap kecacatan atau ketidaksempurnaan tersebut boleh dibuat dan pihak Safwa adalah bertanggungjawab untuk memperbaiki sebarang kecacatan tersebut.

Sebagai tambahan, Johor Centre For Construction Development (JCCD) telah ditubuhkan sebagai salah satu anak syarikat berkaitan Kerajaan dan telah diberi mandat bagi membantu membangunkan program pembangunan serta memantau kompetensi kontraktor di negeri Johor. JCCD juga bertanggungjawab untuk mewujudkan satu pengkalan data bagi kontraktor Johor. Pengkalan data ini bertujuan untuk memantau serta memperkukuhkan lagi industri pembinaan di samping memperkasakan kualiti kontraktor di seluruh negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)  
SOALAN 19 (A69)**

Nyatakan status terkini Bas Rapid Transit Iskandar Malaysia (IMBRT) dan adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperluaskan laluan IMBRT di luar Johor Bahru.

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Kerajaan negeri yakin bahawa sistem pengangkutan awam yang efisien dan tidak membebankan rakyat mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi Johor yang lebih berdaya saing.

Justeru itu, pembinaan projek pengangkutan bas Iskandar Rapid Transit (IRT) di Iskandar Malaysia yang akan bermula tahun 2023 dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2026 ini bakal menjadi *game changer (dengan izin)* kepada mobiliti rakyat.

Buat masa ini, projek tersebut sedang dalam peringkat akhir bagi memuktamadkan rekabentuk berdasarkan maklumbalas agensi teknikal supaya pembinaannya berupaya memenuhi keperluan semua pengguna jalan raya.

Projek ini kini pada landasan yang tepat dan menerima sokongan penuh dan kerjasama erat daripada pemegang taruh di peringkat negeri dan pusat.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Perling adakah ianya akan diperluaskan ke luar Johor Bahru?

Untuk makluman Yang Berhormat, projek IRT tidak terhad kepada Bandar Raya Johor Bahru semata-mata tetapi turut meliputi sehingga 2,043 kilometer di dalam koridor pembangunan Iskandar Malaysia. Ini adalah termasuk tiga Laluan Utama IRT sepanjang 55 kilometer iaitu Iskandar Puteri, Skudai dan Tebrau, 44 Laluan Terus sepanjang 1,247 kilometer dan 55 Laluan Perantara sepanjang 741 kilometer.

Sebanyak 22 stesen akan dibina dan perkhidmatannya akan melibatkan enam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan 84 laluan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) (52 laluan), Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) (22 laluan), Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) (16 laluan), Majlis Perbandaran Pontian (MPPn) (4 laluan) dan satu laluan bagi Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT).

Sebagai makluman tambahan, ia juga akan diintegrasikan dengan mod pengangkutan awam utama lain seperti Rapid Transit System (RTS) Link, kereta api elektrik Gemas

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

– Johor Bahru serta penerbangan domestik dan antarabangsa melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan lain-lain lagi.

Menjelang 2025, rangkaian liputan pengangkutan awam di Iskandar Malaysia dijangka dapat dipertingkatkan daripada 39 peratus kepada 90 peratus kawasan.

Ini sekali gus, memangkin peningkatan penggunaan pengangkutan awam daripada 15 peratus kepada 40 peratus.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)  
SOALAN 20 (A86)**

Sila nyatakan prosedur operasi standard (SOP) pengurusan pengendalian aduan awam yang ditetapkan kepada konsesi syarikat seperti SAFWA GLOBAL VENTURE serta Selia Selenggara, dan apa tindakan akan diambil sekiranya aduan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan?

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Pihak konsesi Safwa Global Venture (M) Sdn Bhd (SGV) mempunyai sistem bagi pengurusan dan pengendalian aduan awam, di mana orang awam boleh menyalurkan aduan secara terus kepada syarikat konsesi melalui pautan aduan di laman sesawang atau saluran media sosial *Facebook* melalui platform *Google Form* yang mudah diakses dengan menggunakan gajet mudah alih seperti telefon bimbit dan tablet. Maklumat aduan terus disalurkan kepada pejabat wilayah SGV melalui integrasi antara *Google Form Aduan* dan sistem aduan SGV.

Seterusnya, pejabat wilayah SGV akan meneliti aduan dengan menjalankan siasatan tapak termasuk menghubungi pengadu dan wakil penduduk untuk mengenal pasti lokasi dan tahap kerosakan bagi penentuan skop kerja. Terdapat juga mekanisma lain yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyalurkan aduan iaitu melalui medium sistem SISPAA dan makluman daripada Ahli-ahli Majlis yang disampaikan melalui mesyuarat pada setiap bulan di antara pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil SGV di pejabat-pejabat wilayah.

Aduan-aduan yang diterima meliputi pelbagai jenis aduan. Pihak SGV dan PBT akan membincangkan dan menentukan keutamaan bagi aduan-aduan tersebut disebabkan peruntukan tahunan yang terhad. Kerja di tapak akan dilaksanakan setelah mendapat Arahan Kerja daripada Pegawai Penguasa Projek iaitu Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan. Arahan Kerja berkenaan dikeluarkan berdasarkan senarai keutamaan kerja yang disahkan oleh Wakil Pegawai Penguasa yang terdiri daripada Datuk Bandar dan Yang DiPertua semua PBT bagi kerja-kerja yang melibatkan peruntukan besar dan memerlukan pelan reka bentuk.

Bagi kerja-kerja yang boleh dikategorikan kecemasan serta memerlukan penyelesaian dan tindakan segera, pihak SGV perlu mendapatkan Arahan Kerja Segera yang dikeluarkan oleh Bahagian Teknikal PBT dan disahkan oleh Wakil Pegawai Penguasa dan Perunding Pihak Kerajaan.

Justeru, pihak SGV mengambil inisiatif melaksanakan kerja-kerja secara segera setelah mendapat arahan dan kelulusan menjalankan kerja di tapak oleh PBT



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

mengikut peruntukan sedia ada. Namun begitu, sekiranya pihak SGV tidak dapat melaksanakan kerja tersebut disebabkan kekangan peruntukan, maka perbincangan bersama pihak PBT akan sentiasa diadakan bagi memastikan aduan yang kritikal dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 21 (A31)**

Nyatakan status kesemua 15 inisiatif yang telah dibentangkan dalam agenda Johor Digital bagi Belanjawan Johor 2022?

**JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

**Untuk makluman Yang Berhormat Bentayan,** berikut adalah antara status agenda Johor Digital bagi Belanjawan Johor 2022.

**JENDELA**

Sehingga suku ke-3 2022, daripada 251 struktur pemancar baharu yang telah dirancang untuk dibina, sebanyak 132 telah siap sepenuhnya.

Manakala, sebanyak 119 pemancar dalam fasa pembinaan. 4,343 stesen pemancar telah dinaik taraf daripada 3G kepada 4G/LTE di seluruh negeri Johor dan berbaki 32 masih dalam pelaksanaan.

Ketersediaan sambungan gentian optic (fiber) bagi jalur lebar tetap sebanyak 352,321 sambungan ke premis telah siap dan sebanyak 61,173 sambungan masih di dalam pelaksanaan. 11 kampung orang asli telah dibekalkan dengan kemudahan jalur lebar satelit (BWA).

90 Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) telah beroperasi di seluruh negeri Johor.

**PELAKSANAAN 5G DI NEGERI JOHOR**

Merujuk kepada laporan dari pihak DNB, bagi tahun 2022 sebanyak 359 tapak 5G dalam perancangan untuk dibangunkan di Johor Bahru.

Setakat 15 November 2022, sebanyak 293 tapak telah siap (*onboarded*) dan berbaki 66 tapak masih dalam fasa pelaksanaan. 10 bangunan telah dikenalpasti untuk pemasangan IBC (*Internal Building Coverage*) dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini. Tambahan sebanyak 489 tapak 5G akan diperluaskan lagi di daerah-daerah lain di Johor pada tahun 2023.

**PENDIDIKAN ISLAM DIGITAL ALBAYEN**

Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah melaksanakan inisiatif Johor Digital dengan melaksanakan Sistem Sokongan Pengajaran dan Pembelajaran yang dikenali sebagai Johor Pendidikan Islam Digital (JPID) Albayen.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

Sistem sokongan pembelajaran dan pengajaran digital yang holistik menekankan kemenjadian murid, peningkatan profesionalisme keguruan, teknik pengajaran termaju dan pembentukan masyarakat digital.

JPID Albayen adalah Gabungan *Learning and Teaching Support System, Learning Management System, School Management System* dan *Organizational Management System* yang boleh diakses secara segerak oleh lima akaun iaitu Akaun pentadbir (JAINJ dan PPID), Sekolah, Guru, Murid dan Ibu bapa.

Sistem ini telah menjalani R&D semenjak 2018. Terdapat lebih daripada 50 orang pensyarah dari pelbagai universiti yang berkepakaran dalam bidang Pendidikan seperti kurikulum, pedagogi, pentaksiran, teknologi pendidikan dan Pendidikan Islam, bidang komputeran seperti pengaturcaraan, rangkaian, keselamatan siber, animasi dan kelestarian.

Setakat November 2022, sistem ini telah diakses di 583 Sekolah Agama Kerajaan Johor, 4872 guru, 206,908 murid dan 136,013 ibubapa dan penjaga. Aktiviti dan bahan yang disediakan adalah selari dengan kaedah pengajaran yang transformatif dan pentaksiran yang autentik yang merangsang kemahiran aras tinggi murid sama ada dari aspek kognitif, afektif mahupun psikomotor.

Sebagai langkah untuk memperkasakan JPID Albayen, jabatan ini mengambil beberapa inisiatif;

- i. Pelantikan Jurulatih Utama Negeri (JUN) dalam kalangan pegawai Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dan Jurulatih Utama Daerah dalam kalangan guru-guru Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) dengan tujuan:
  - Menyampaikan maklumat JPID Albayen secara tuntas dan menyeluruh.
  - Menyediakan bantuan dan sokongan kepada pentadbir dan guru-guru sekolah.
  - Mengelola latihan dan kemahiran kepada guru-guru SAKJ yang disediakan oleh pihak Bahagian Pendidikan Islam dan Pejabat pendidikan Islam Daerah.
- ii. Mengadakan latihan kemahiran pengoperasian sistem bagi Jurulatih Utama Negeri yang dilantik dan latihan pengoperasian aplikasi bagi guru-guru SAKJ peringkat daerah dan negeri.
- iii. Melakukan pemantauan berkala di peringkat negeri dan daerah menggunakan instrumen pemantauan yang disediakan jabatan.
- iv. Cadangan pelaksanaan e-rph dijangka dapat membantu dan memudahkan guru menyediakan Rancangan Pengajaran Harian dan memperkasa program ini sebagai satu keperluan berterusan.

Mulai bulan April 2022, semua SAKJ telah berjaya mendaftar maklumat sekolah dan murid ke dalam sistem JPID Albayen. Arahan pengemaskinian data telah dibuat

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

melalui surat pekeliling yang dikeluarkan jabatan bertujuan agar pengemaskinian data dan maklumat sekolah dapat dilaksanakan secara optimum dan menyeluruh. Ia juga bagi memudahkan jabatan memantau perjalanan dan pelaksanaan program peringkat sekolah, daerah dan negeri.

Program ini telah menjadi aktiviti tambahan di semua sekolah dalam demografi yang berbeza baik sekolah bandar, pertengahan dan luar bandar. Ia telah dilaksanakan sekurang-kurangnya dua kali seminggu sebagai bahan pengajaran sekunder dengan kelengkapan minima LCD dan layar papan putih.

Melalui sistem ini juga, murid-murid yang terlibat dilatih dengan teknologi yang bermanfaat dan pengajaran menjadi lebih menarik dengan Bahan Bantu Mengajar interaktif yang tersedia dalam sistem dan juga bahan-bahan yang disediakan oleh guru-guru, yang boleh dikongsi oleh sesiapa juga yang mempunyai akses. Pelaporan penggunaan dalam kalangan guru dan sekolah dapat disalurkan secara terus kepada BPI secara atas talian.

### **EKONOMI GIG**

Pemberian bantuan *One-Off* kepada pekerja Ekonomi Gig adalah inisiatif yang telah dibentangkan dalam agenda Johor Digital bagi Belanjawan Johor 2022.

Perbadanan Pengangkutan Awam Johor adalah agensi penyelaras yang bertanggungjawab dalam pengumpulan data pekerja ekonomi gig ini. Bantuan ini melibatkan pemilik atau pemandu teksi berdaftar, pemandu e-hailing dan penghantar makanan yang aktif serta berdaftar di dalam negeri Johor.

Seramai 1,714 pemandu teksi, 3,230 pemandu e-hailing dan 2,925 penghantar makanan telah diberikan bantuan sebanyak RM300 secara *one-off*. Pembayaran dibuat secara pemindahan ke akaun penerima bermula bulan Jun hingga Julai 2022. Semua pembayaran telah diselesaikan oleh Pebendaharaan Negeri Johor.

### **JOHORPAY**

*JohorPay* adalah salah satu inisiatif kerajaan negeri ke arah Kerajaan Tanpa Tunai (Cashless Government) dan perkhidmatan *end-to-end* kepada rakyat. Untuk makluman, Aplikasi Mudah Alih *JohorPay* telah sedia dimuat turun melalui Playstore, AppStore dan Huawei AppGallery sejak 2 Disember 2021.

Sehingga 22 November 2022, bilangan pengguna telah mencapai 162,870 dengan bilangan transaksi sebanyak 251,890 dan berjumlah RM 136,444,227.50

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**PROGRAM INTERNET MAHASISWA JOHOR**

Program Internet Mahasiswa Johor ini dipertanggungjawabkan di bawah kendalian Institut Dato' Onn (IDO). Perancangan awalnya ialah 3,000 orang penerima dari golongan mahasiswa / mahasiswi berstatus B40 di IPTA layak untuk menerima satu "SimCard" selari dengan keadaan semasa pandemik, di mana kaedah pembelajaran yang relevan adalah melalui dalam talian.

Namun begitu, inisiatif ini diselaraskan semula menjelang pertengahan tahun 2022. Ini ekoran kebenaran pihak kerajaan pusat membenarkan pelaksanaan sesi pembelajaran dilaksanakan secara fizikal.

**YOUNGSTER CODING PROGRAM DAN YOUNG DRONE PILOT**

Inisiatif *Youngster Coding Program* dan *Young Drone Pilot* sedang dalam peringkat awal pelaksanaan.

**MENTRANSFORMASI PENGURUSAN LESEN DAN KEUPAYAAN PREMIS  
PERNIAGAAN PBT**

Perkhidmatan *Kulai Fast Lane (e-License)* akan mentransformasi lesen premis perniagaan dalam bentuk kertas dan papan lesen sedia ada kepada bentuk digital, serta memudahkan permohonan lesen secara atas talian.

**SISTEM PEMANTAUAN PROJEK NEGERI JOHOR (JoMS)**

Sistem Pemantauan Projek Negeri Johor (JoMS) fasa 1 adalah platform bagi penyediaan, permohonan, pemantauan projek dan program bagi Bajet Pembangunan Negeri Johor.

Sesi latihan penggunaan sistem ini telah diberikan kepada 34 jabatan / agensi bermula bulan Februari sehingga Ogos 2022. Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat) turut dilibatkan dalam beberapa sesi latihan tersebut.

Sistem JoMS ini telah digunakan sepenuhnya bagi sesi permohonan Belanjawan 2023 yang mula dibuka pada bulan Ogos 2022. Semua jabatan telah mengambil perhatian dan bertanggungjawab terhadap peranan sebagai penyedia, penyemak dan pelulus.

Permohonan belanjawan secara bertulis juga dibuat memandangkan masih terdapat beberapa isu jabatan besar yang mempunyai pelbagai peranan di peringkat daerah.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

Walaupun bagaimanapun, permasalahan tersebut telah diselesaikan secara berperingkat. Manual pengguna turut dibekalkan kepada pengguna sistem bagi tujuan pembelajaran ulangan.

Pihak BPENJ turut mengadakan sesi latihan ulangan berdasarkan permintaan jabatan / agensi agar sistem ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Pihak BPENJ sentiasa mengenal pasti fungsi dan keperluan setiap komponen dalam sistem bagi memudahkan jabatan/agensi mahir menggunakannya.

Seterusnya pihak BPENJ, ICT@Johor dan *vendor* iaitu Bitextreme sentiasa mengadakan pertemuan bagi mengadakan penambahbaikan sistem JoMS daripada semasa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)  
SOALAN 22 (A157)**

Muar yang sinonim dengan Bandar Maharani Bandar Diraja telah menetapkan wawasan pembangunan sebagai Bandar Warisan, Mampan dan Pintar sekaligus mensasarkan matlamat untuk menjadikan Muar sebagai daerah peneraju pembangunan ekonomi wilayah utara negeri Johor menjelang 2030, Bagaimanakah perkembangannya sehingga kini?

**JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

**Untuk makluman Yang Berhormat Maharani**, Bandar Maharani Bandar Diraja telah ditetapkan sebagai Bandar Warisan, Mampan dan Pintar sebagaimana yang telah dicadangkan di dalam Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 (penggantian).

Sebagaimana di dalam teras pembangunan Daerah Muar iaitu **Teras 2 : Pusat Bandar, Rekabentuk, Pemuliharaan, Pemeliharaan Bangunan Warisan, Rekreasi dan Landskap, Alam Sekitar Pengurusan Alam Semula Jadi, Perhutanan dan Geo Bencana**.

- i. Dokumen Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 (penggantian) telah diwartakan pada 30 Jun 2022 dengan nombor warta JPU 30 JIL 66 No. 26. Dengan pewartaan ini Pihak Berkuasa Tempatan dan lain – lain agensi serta sektor swasta berkaitan boleh menggunakan dokumen ini sebagai panduan dalam melaksanakan pembangunan sebagaimana yang telah dicadangkan.

Sementara itu, Kajian Kemungkinan Zon Ekonomi Khusus Pagoh (PSEZ) merangkumi empat (4) daerah iaitu Daerah Segamat, Tangkak, Batu Pahat, dan Daerah Muar sebagai peneraju pembangunan ekonomi wilayah utara negeri Johor.

Keempat-empat daerah ini terletak di sekitar Bandar Universiti Pagoh di Daerah Muar, yang sebahagian dari kawasannya telah dibangunkan sebagai PSEZ Fasa 1.

PSEZ diiltizamkan menjadi model dan rujukan bagi pelaksanaan Special Economic Zone pada masa hadapan yang berdaya tahan dan mampan dengan mengambil kira fokus terhadap norma baharu (pasca COVID-19) dan kemajuan teknologi termasuk Revolusi Industri 4.0, serta pengurusan dan pentadbiran kawasan pembangunan yang cekap & efektif.

Strategi pembangunan telah dirangka bagi mencapai halatuju berdasarkan matlamat pembangunan PSEZ sebagai Zon Inovasi Agro yang makmur, sejahtera, berdaya huni, seimbang dan dilaksanakan secara kolaborasi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

Kesemua strategi akan disokong oleh cadangan pembangunan yang berbentuk projek dan program yang dijangka akan memberi impak yang besar kepada zon ini.

Kajian Kemungkinan Zon Ekonomi Khusus Pagoh yang kini diperingkat Laporan Akhir telah dibentang pada Jawatankuasa Teknikal di peringkat negeri dan akan dibentang pada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu diperingkat persekutuan untuk pertimbangan.

Kajian Kemungkinan ini akan digunakan bagi menggerakkan hala tuju kawasan PSEZ termasuk Muar dalam memastikan kesinambungan pembangunan ekonomi wilayah utara negeri Johor terus diperkasakan.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)  
SOALAN 23 (A154)**

Projek terbaru yang dinamakan Maharani Energy Gateway itu bertujuan untuk mewujudkan hab tenaga dan pelabuhan laut dalam yang melibatkan tiga pulau buatan manusia seluas 1,295 hektar. Sejauh manakah perkembangannya dan kesannya kepada alam sekitar?

**JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

**Untuk makluman Yang Berhormat Maharani**, Projek Maharani Energy Gateway adalah antara projek yang telah dikenalpasti dapat memacu pertumbuhan ekonomi negeri Johor terutamanya bagi Daerah Muar.

Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 (Pengubahan 1), No Warta J.P.U 29 Jilid 66 No 26 bertarikh 30 Jun 2022, kawasan projek tersebut berada dalam **Kawasan Pembangunan Khas Ekonomi di Keutamaan 2.**

Ini adalah selaras sebagaimana Pelaksanaan IP 3.1 bagi Zon Industri Minyak dan Gas di Daerah Muar serta antara Projek Berimpak Tinggi (HIP) di bawah Kod Projek HIP 14A (Pembangunan Khas Ekonomi Daerah Muar).

Beberapa siri kajian telah diadakan yang bertujuan mengenalpasti tahap kebolehlaksanaan serta impak projek kepada pelbagai aspek masyarakat / komuniti, ekonomi dan alam sekitar. Berikut adalah status semasa kajian-kajian yang telah dilaksanakan:

- i. Kajian Penilaian Risiko Marin (MRA) telah diluluskan oleh Jabatan Laut Malaysia pada 27 April 2022;
- ii. Kajian Penilaian Impak Kesan Trafik (TIA) telah diluluskan oleh Jabatan Kerja Raya Johor pada 11 Mei 2022;
- iii. Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat pada 25 Ogos 2022;
- iv. Kajian Hydraulic telah diluluskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia pada 30 September 2022; dan
- v. Kajian Penilaian Impak Sosial (SIA) telah dikemukakan. Walau bagaimanapun, pihak pemaju telah dicadangkan untuk mengemukakan semula laporan tersebut dengan mengambil kira beberapa aspek tertentu yang boleh memberikan gambaran menyeluruh kesan sosial yang dijangkakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

Seterusnya, berdasarkan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang telah dijalankan aspek-aspek berkaitan guna tanah, hidrografi dan hydrologi, geologi, meteomarin, meteorologi, biologi marin, perikanan, ekologi, sosio ekonomi, penilaian impak kesihatan dan trafik marin telah diambil kira.

Kajian EIA yang telah dijalankan ini telah mengenalpasti potensi impak yang akan berlaku. Cadangan langkah-langkah mitigasi juga telah dibuat bagi tujuan meminimalkan kesan impak projek kepada komuniti dan alam sekitar.

Sementara itu, Laporan 'Second Schedule Environmental Impact Assessment (S2EIA) For The Proposed Masterplan Development For Maharani Energy Gateway, Muar, Johor Darul Takzim Oleh Tetuan Maharani Energy Gateway Sdn Bhd telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Putrajaya pada 25 Ogos 2022.

Laporan EIA ini telah mengenal pasti impak-impak terhadap alam sekitar dan telah menggariskan langkah-langkah kawalan yang perlu diambil oleh pihak penggerak projek bagi mengawal dan meminimalkan impak alam sekitar daripada aktiviti tebusguna tanah tersebut.

Untuk makluman, sehingga kini (22 November 2022) projek ini masih belum dimulakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)  
SOALAN 24 (A122)**

Mengapa kerajaan membatalkan baki peruntukkan khas perayaan bernilai RM40 ribu yang sebelum ini dinyatakan oleh Mantan Menteri Besar pada Item 42 Bajet Johor 2022?

**JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

**Untuk makluman Yang Berhormat Mengkibol**, kerajaan negeri tidak membatalkan peruntukkan khas perayaan bernilai RM40 ribu sebagaimana yang pernah diumumkan oleh YAB Dato' Haji Hasni Bin Mohammad, mantan Menteri Besar menerusi item 42 semasa pembentangan Belanjawan Johor 2022.

Berdasarkan item 43 Belanjawan Johor 2022, ia menyatakan bahawa perkara ini (item 42) akan dibawa melalui Jawatankuasa Pilihan. Jawatankuasa berkenaan pula akan membuat ketetapan berkaitan perkara ini untuk dibawa ke perhatian Dewan Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)  
SOALAN 25 (A142)**

Berapakah peruntukkan yang telah diumumkan oleh Menteri Besar Johor selepas Parlimen Malaysia dibubarkan dan sepanjang tempoh berkempen sehingga sebelum hari mengundi PRU 15 mengikut kawasan?

**JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI**

Kuasa prerogatif / preogratif YAB Menteri Besar Johor bagi mempertimbangkan dan seterusnya meluluskan peruntukan dan bantuan secara geran atau sub waran terhadap apa-apa projek atau program dan aktiviti Jabatan atau NGO (Badan Bukan Kerajaan) tertakluk kepada Belanjawan dalam Peruntukan Pembangunan di bawah P.70 – Pejabat Menteri Besar Johor.

Oleh itu, projek/ program yang telah diumumkan sepanjang tahun ini oleh YAB Menteri Besar atau EXCO-EXCO telah dibuat perancangan oleh Jabatan Pelaksana bagi menyelesaikan isu-isu setempat dan masalah rakyat di lokaliti-lokaliti tertentu seperti Pejabat-pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain.

Ini bagi memastikan segala perancangan projek dapat dilaksanakan dengan baik mengikut amalan atau tatacara kewangan semasa dan mencapai output dan outcome selaras dengan sasaran prestasi yang telah ditetapkan kepada setiap Jabatan.